

IPU Muar, Ledang cecah 746

» Tahap pencemaran pada paras kecemasan



► Kuala Lumpur

Muar dan Ledang diisytiharkan daerah Darurat Bencana Jerebu mulai semalam apabila bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) melebihi 500, iaitu pada tahap kecemasan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melaporkan bacaan IPU di dua kawasan berkenaan mencecah sehingga 746 pada jam 7 pagi semalam dan menurun kepada 690 pada jam 11 pagi dan 507 pada jam 5 petang, tetapi masih pada tahap berbahaya.

Berkuat kuasa serta-merta

Pengisytiharan darurat itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam satu kenyataan, semalam dan berkuat kuasa serta-merta sehingga ia ditarik balik.



Kebakaran kawasan semak di Matang Jaya, Kuching semalam, mengakibatkan asap tebal.

B/H 24/6/13 MS 2

[FOTO SUFRE MASHOR/BH]

“Bagaimanapun, pengisytiharan tidak membabitkan penguatkuasaan perintah berkuorong dan tiada perubahan dalam corak serta sistem pemerintahan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat sekarang,” katanya.

Najib turut mengarahkan semua kementerian dan agensi terbabit dalam pengurusan bencana jerebu mengambil langkah perlu bagi menjamin keselamatan dan kesihatan awam sentiasa terpelihara.

Kerajaan pantau

Ini adalah kali ketiga pengisytiharan Darurat Bencana Jerebu diumumkan di negara ini. Kali pertama di Sarawak pada 19 September 1997 apabila IPU melebihi 600, manakala kali kedua pada Ogos 2005 di Kuala Selangor dan Pelabuhan Klang dengan bacaan IPU melebihi 500.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, berkata kerajaan memantau

situasi jerebu yang melanda Melaka dan perisytiharan darurat akan dilakukan jika bacaan IPU melebihi 500.

Shahidan berkata, Melaka, Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya turut dilanda jerebu yang teruk.

Mengenai majlis perasmian sidang Parlimen dijadual hari ini, beliau berkata ia diteruskan seperti dirancang walaupun jerebu masih melanda ibu kota.

Garis panduan tindakan hadapi darurat bencana jerebu dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara

Apabila Darurat Bencana Jerebu diisytiharkan, Jawatan Kuasa Pengurusan Bencana Pusat, Negeri dan Daerah hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

⊗ A) **Menasihatkan penutupan pejabat atau premis kerajaan atau swasta** dan tempat bekerja lain, termasuk kilang, ladang, kawasan pembinaan, kuari serta kerja-kerja tanah dan pemindahan tanah. Langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan hendaklah diambil pada setiap masa.

Bagaimanapun nasihat penutupan itu dikecualikan bagi perkhidmatan:

- ⊗ Air dan elektrik
- ⊗ Kesihatan awam
- ⊗ Bomba dan Penjara
- ⊗ Pos, telefon, telekomunikasi

dan telegraf

- ⊗ Komunikasi radio, penyiaran dan televisyen
- ⊗ Pelabuhan, termasuk limbungan, dermaga dan perkhidmatan yang ada kaitan
- ⊗ Pengangkutan darat, laut dan udara
- ⊗ Membekal bahan pembakar dan minyak pelincir
- ⊗ Perbankan dan kewangan
- ⊗ Semua yang terbabit secara langsung dalam pengurusan bencana jerebu di bawah Arahan MKN No 20 dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan.

⊗ B) Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi berkaitan **melaksanakan penutupan sekolah**, taman didikan dan pusat jagaan kanak-kanak dalam

kawasan Darurat Bencana Jerebu

⊗ C) Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Kementerian Kesihatan **mempertingkatkan penyiaran maklumat kesedaran** mengenai jerebu secara berterusan untuk panduan orang awam

⊗ D) JAS; Jabatan Bomba dan Penyelamat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat, Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak berkuasa tempatan atau agensi berkaitan **mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang** terhadap sumber yang boleh menyumbang kemerosotan kualiti udara

⊗ E) Jabatan Bomba dan Penyelamat mempergiatkan

operasi pemadaman kebakaran hutan tanah gambut dan pembakaran terbuka dengan kerjasama agensi lain

⊗ F) Kementerian Kesihatan **mempertingkatkan pemantauan dan rawatan kesihatan** disebabkan jerebu di hospital dan klinik kesihatan

⊗ G) Jabatan Meteorologi dan Tentera Udara Diraja Malaysia **melaksanakan aktiviti pembenihan awan** dalam keadaan cuaca yang membolehkan kejayaan operasi bagi mengurangkan jerebu

⊗ H) Semua kementerian, jabatan atau agensi berkaitan **menangguhkan aktiviti luar** atau riadah membabitkan masyarakat.